# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 12 APRIL 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br>10.<br>11.<br><br>12. | KPDNHEP LANCAR OP HARUM 1.0, NASIONAL, SH -11<br>E-DAGANG ELAK LAMBAKAN HARUMANIS, DALAM NEGERI, UM -10<br>ELAK LAMBAKAN HARUMANIS, NEGERI PERLIS, SH -25<br>JUAL BELI HARUM MANIS SECARA E-DAGANG ELAK LAMBAKAN, BH -ONLINE<br>3,336 TAN MATRIK TAN HARUMANIS BERNILAI RM66.7 JUTA DIKELUARKAN TAHUN INI, UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>3,336 TAN MATRIK HARUMANIS BERNILAI RM66.7 JUTA DIKELUARKAN TAHUN INI, BERNAMA -ONLINE<br>MINISTER OF AGRICULTURE: COURIER COMPANY ENSURES BUYER RECEIVE MANGOES IN 3 DAYS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3<br>KPDNHEP LANCAR OP HARUM KEKANG SALAH GUNA NAMA HARUMANIS, BH -ONLINE<br>SIN CHEW -ONLINE<br>NANYANG SIANG PAU -ONLINE<br>SASAR JUALAN DALAM TALIAN MANGGA DARI PERLIS LEBIH 50 PERATUS, NASIONAL, BH -16<br>OP HARUM KEKANG SALAH GUNA NAMA HARUMANIS, NASIONAL, BH -16 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 13. | BEKALAN DIJAMIN MENCUKUPI BAGI MUSIM PERAYAAN: JPV, UTUSAN BORNEO -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 14. | SIN CHEW.COM -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 15.<br>16.<br><br>17. | PENIAGA USAH AMBIL KESEMPATAN NAIK HARGA, LOKAL, HM -12<br>PELADANG OUTLET KURANGKAN PENGARUH ORANG TENGAH -RONALD, UTUSAN BORENO -ONLINE<br>MASYARAKAT TANI DIGALAK PASAR PRODUK SECARA DALAM TALIAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br><br>26.<br>27. | EXECS NABBED IN MEAT CARTEL CRACKDOWN, NATION, THE STAR -2<br>3 KONTENA BAWA MUATAN KAYU DIRAMPAS, NASIONAL, BH -17<br>KOMPLOT 19 SYARIKAT KARTEL DAGING, NEGARA, KOSMO -9<br>KAUT 52 JUTA SETAHUN, LOKAL, HM -3<br>KOMPLOT 19 KARTEL DAGING, MUKA DEPAN, SH -1<br>PAKATAN JAHAT TERBONGKAR, NASIONAL, SH -2<br>JALAN MUDAH HALALKAN DAGING IMPORT, NASIONAL, SH -2<br>KARTEL DAGING IMPORT KAUT RM52 JUTA SETAHUN TUMPAS, MUKA DEPAN, BH -1<br>19 SYARIKAT BERKOMPLOT, NASIONAL, BH -2<br>TUJUH LAGI SUSPEK KARTEL DAGING IMPORT DIBURU, NASIONAL, BH -2 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 28. | RISE OF THE 'ROBO-PLANTS', TECHNOLOGY, THE STAR -2 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# KPDNHEP lancar Op Harum 1.0

Kekang salah guna nama Harumanis bagi mangga yang bukan berasal dari Perlis

FOTO: BERNAMA




Alexander (kiri) menyerahkan Sijil Logo Buatan Malaysia kepada Pengasas Syarikat HPA Industries Sdn Bhd, Ismail Ahmad pada majlis penyerahan Sijil Logo Buatan Malaysia di Kangar pada Ahad.

**KANGAR**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan Op Harum 1.0 untuk mengekang penyalahgunaan perihal 'harumanis' bagi mangga yang bukan berasal dari Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif dengan kerjasama strategik Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu juga bertujuan memantau pematuhan peniaga dalam urusan jualan mangga eksklusif itu supaya tidak timbul sebarang kekeliruan pada pihak pengguna.

"Penyalahgunaan perihal harumanis bagi mangga yang bukan daripada varieti harumanis Perlis boleh menjejaskan pendapatan serta hasil pengusaha tempatan sebab ada yang guna nama harumanis tapi bukan dari Perlis.

"Harumanis ini identitinya memang (dari) Perlis, tapi ada yang import, kata harumanis juga... Kalau kata harumanis Kemboja, itu bukan harumanis," katanya di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Sijil Logo Buatan Malaysia kepada Syarikat HPA Industries Sdn Bhd di sini.

Alexander berkata, menerusi Op Harum 1.0, pemantauan yang dikuatkuasakan termasuk memastikan peniaga meletakkan tanda harga serta mempamerkan jenis buah dengan jelas, selain menggunakan alat timbang yang sah.

Beliau berkata, setiap penjual juga perlu menggunakan cap dagangan harumanis yang sah dan jika pengguna mendapati ada mana-mana peniaga gagal berbuat demikian, mereka boleh melaporkan perkara itu kepada KPDNHEP untuk siasatan lanjut.

"Harapan kementerian adalah dengan pelaksanaan penguatkuasaan ini, peniaga akan lebih beretika dan pengguna dapat menjalankan urus niaga belian dengan lebih bijak," katanya.

Sementara itu, Alexander juga mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam sektor peruncitan khususnya supaya terus meningkatkan tahap kepatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kementerian bagi memastikan sektor perniagaan dapat terus berjalan dengan lancar.

"Setakat ini, untuk sektor peruncitan di bawah kawal selia KPDNHEP, tahap kepatuhan (SOP) sangat tinggi, kita ambil berat perkara ini bagi menjamin agar perniagaan boleh diteruskan dan ekonomi dapat dipulihkan secepat mungkin," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGRI | 10 |

### Lebih 50 peratus mempelam Perlis itu dijual dalam talian

# e-dagang elak lambakan Harumanis

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Langkah pemasaran mempelam harumanis menerusi platform e-dagang atau secara dalam talian pada tahun ini dijangka dapat mengelak berlakunya lambakan buah berkenaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, lebih 50 peratus jualan harumanis sebelum ini adalah menerusi platform secara dalam talian dan jumlah tersebut dijangka meningkat apabila terdapat usahasama strategik dengan syarikat penghantaran.

Selain itu, katanya, promosi yang lebih agresif daripada agensi berkaitan bakal memastikan jualan mempelam harumanis bagi musim ini dapat dijual secara keseluruhannya.

"Kita tidak mahu apa yang berlaku pada tahun lalu apabila musim harumanis bermula, PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pula dilaksanakan dan pelbagai pihak tidak bersedia dengan platform e-dagang. Kita sempat juga bekerjasama dengan Pos Malaysia dan syarikat penghantaran tahun lalu, tapi tahun ini kita lebih bersedia menghadapi situasi ini.

"Harumanis adalah perniagaan besar dengan pengeluaran tahun ini sahaja dijangka sebanyak 3,336 tan metrik yang bernilai sebanyak RM66.7 juta. Ini akan memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha harumanis di negeri ini.

"Jumlah ini adalah untuk pengusaha harumanis sahaja, tidak termasuk dengan perniagaan sampingan yang diwujudkan seperti perkhidmatan penghantaran, pembungkusan dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri di sini semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob.

Hubungan strategik tersebut dijalinkan dengan syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, Citylink dan Line Clear yang melibatkan penambahbaikan termasuk penggunaan lori khas bagi mengangkut harumanis, pusat pengumpulan khas, kotak tiga lapis yang lebih kukuh dan jaminan penghantaran tidak melebihi tiga hari kepada pembeli.

Tambah Ronald, pihaknya juga menjangkakan kerjasama dari segi logistik tersebut akan diperluaskan dengan syarikat penghantaran lain pada masa depan.



**RONALD Kiandee (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada wakil Pos Malaysia semasa Majlis Pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SINAR HARIAN | NEGERI PERLIS | 25 |

# Elak lambakan harumanis

**Jabatan Pertanian jalin kerjasama dengan syarikat kurier pasarkan buah kebanggaan Perlis**

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

KANGAR

Jabatan Pertanian menjalin kerjasama strategik dengan tiga syarikat kurier iaitu Pos Malaysia, Citylink dan Line Clear bagi memastikan penghantaran mangga harumanis Perlis ke seluruh negara lebih cepat dan selamat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerjasama itu terjalin selepas jabatan berkenaan mempertimbangkan beberapa perkara berdasarkan pengalaman kaedah penghantaran tahun lalu.

Katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu menyebabkan berlaku lambakan harumanis kerana pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian Negeri Perlis dan sistem e-dagang belum bersedia sepenuhnya.

"Ketika itu juga berlaku penularan pandemik Covid-19. Jadi pada tahun ini kita menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengelakkan perkara yang sama berulang sehingga boleh menyebabkan lambakan harumanis yang akan merugikan pengusaha.

"Antara penambahbaikan yang dibuat pada tahun ini ialah penggunaan kotak buah tiga lapis yang lebih kukuh bagi menggantikan kotak buah satu lapis yang mudah rosak sebelum ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Kompleks Pertanian Bukit Temiang di sini pada Ahad.



Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Hafizuddin Othman (dua dari kanan) memberi penerangan mengenai harumanis kepada Ronald dan tetamu yang hadir di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir pada Ahad.

Selain itu katanya, syarikat penghantaran juga akan menggunakan lori khas bertujuan mengangkut harumanis sahaja bagi mengelakkan berlaku kerosakan buah.

Menurutnya, sebuah pusat pengumpulan khas harumanis akan diwujudkan manakala penghantaran kali ini juga dijamin akan sampai kepada pembeli tidak melebihi tempoh tiga hari.

"Ini bagi memastikan pembeli menerima buah yang segar dan berkualiti dengan rasa dan keharuman harumanis yang sebenar.

"Saya turut melihat jaringan pasaran akan menjadi lebih luas apabila harumanis ini sampai kepada pengguna di Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau turut melawat ke Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir di sini untuk melihat pemprosesan harumanis sebelum dipasarkan.

Menurutnya, sebanyak 3,336 tan metrik mangga harumanis dijangka dapat dihasilkan sepanjang tahun ini dengan nilai pengeluaran sebanyak RM66.7 juta.

"Ia bakal memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha harumanis di seluruh Perlis.

"Pada tahun ini juga Jabatan Pertanian Negeri Perlis mensasarkan 84 ladang lagi akan mendapat pensijilan myGAP setelah sebanyak 111 ladang berjaya mendapat pengiktirafan terbabit pada tahun lalu," katanya.

Ronald menambah, Jabatan Pertanian turut melaksanakan inovasi melalui penghasilan QR code yang dilekatkan di kotak harumanis yang dihantar kepada pembeli.

"Melalui QR code itu pembeli dapat mengetahui beberapa maklumat penting mengenai buah yang dibeli seperti lokasi dikeluarkan, tarikh tanam dan petik dan beberapa perkara lain.

"Saya juga menyeru kepada rakyat Malaysia supaya tidak tertipu dengan buah mangga lain yang menggunakan nama harumanis.

"Pengguna boleh mendapatkan maklumat ketulenan harumanis daripada Jabatan Pertanian yang terdekat atau Facebook Jabatan Pertanian atau laman sesawang Jabatan Pertanian.



Ronald (tiga dari kanan) mengimbas QR code yang terdapat pada kotak harumanis yang akan dihantar kepada pembeli.




Ronald (tiga dari kanan) menyerahkan kotak harumanis kepada wakil Pos Malaysia sebagai simbolik kerjasama strategik dalam pemasaran harumanis Perlis.



Ronald (kanan) mendengar penjelasan daripada Hafizuddin mengenai kaedah pemprosesan harumanis di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir pada Ahad.

QR code yang dapat diimbas oleh pembeli untuk mengetahui ciri-ciri harumanis Perlis selain senarai pengusaha yang sah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Jual beli Harum Manis secara e-dagang elak lambakan



PADANG BESAR: Kerajaan meletak sasaran lebih 50 peratus jualan mangga Harum Manis dari Perlis dapat dijual melalui platform e-dagang atau dalam talian, tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia bagi mengelak wujud lambakan seperti yang berlaku tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan wabak COVID-19.

"Tahun ini, kita menjalankan promosi jualan mangga Harum Manis dari Perlis secara agresif kerana tidak mahu isu lambakan buah berulang hingga menyebabkan kerugian kepada pengusaha.

"Kita tetap menggunakan platform e-dagang atau jualan dalam talian dan tahun ini, kita menyasarkan lebih 50 peratus mangga Harum Manis dapat dijual menerusi platform ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis pelancaran Harum Manis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Jabatan Pertanian Perlis, Bukit Temiang, Beseri, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Penyelarasan Penguatkuasaan Bersepadu dan Aduan Awam Negeri Perlis, Nurulhisham Yaakob; Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid; Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris dan Pengarah Jabatan Pertanian Perlis, Hafizuddin Othman.

Ronald berkata, pelaksanaan PKP bukan hanya menjejaskan penawaran mangga Harum Manis tetapi beberapa buah-buahan dan sayur-sayuran turut berdepan lambakan berikutan larangan merentas daerah dan negeri.

"Kita berjaya melaksanakan langkah proaktif dengan berkolaborasi bersama syarikat kurier bagi memastikan mangga Harum Manis ini dapat sampai kepada pembelinya mengikut masa.

"Penjualan Harum Manis di Perlis adalah perniagaan yang besar kepada pengusahanya dan tahun ini kita menjangkakan pengeluaran mampu mencecah 3,336 tan dengan nilai pengeluaran dianggar RM66.7 juta," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian Negeri Perlis tampil bersedia apabila bekerjasama dengan syarikat pos dan kurier seperti Pos Malaysia, CityLink dan Line Clear dalam memastikan penghantaran tahun ini berjalan lancar.

Terdahulu, Ronald meluangkan masa melakukan tinjauan mesra di Ladang Kelompok Mangga Harum Manis Kampung Tanah Pasir, Beseri di sini.

Musim mangga Harum Manis di Perlis secara rasminya bermula hari ini sehingga 30 Jun depan,

Dalam masa sama, sejumlah 111 ladang Harum Manis di Perlis mendapat pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) dan pihak Jabatan Pertanian Negeri Perlis meletak sasaran 84 lagi ladang memperoleh pengiktirafan pensijilan MyGAP.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (kanan) melihat cara menilai kematangan mangga Harum Manis dalam lawatan ke Ladang Kelompok Mangga Haru Mmanis Kampung Tanah Pasir, Jalan Kaki Bukit dekat Beseri, hari ini. - NSTP/AIZAT SHARIF

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# 3,336 tan matrik tan Harumanis bernilai RM66.7 juta dikeluarkan tahun ini



Ronald (kanan) melihat cara menilai kematangan buah mangga Harumanis ketika mengadakan tinjauan mesra di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir, Jalan Kaki Bukit dekat Beseri hari ini. - Gambar Bernama

Ronald (kanan) melihat cara menilai kematangan buah mangga Harumanis ketika mengadakan tinjauan mesra di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir, Jalan Kaki Bukit dekat Beseri hari ini. - Gambar Bernama

PADANG BESAR: Sebanyak 3,336 tan matrik mangga Harumanis Perlis dijangka dihasilkan sepanjang tahun ini, dengan nilai pengeluaran RM66.7 juta, dan ia bakal memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha Harumanis di seluruh negeri Perlis.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sehubungan itu promosi 'Harumanis Kembali Lagi' sehingga 30 Jun dilancarkan hari ini, yang akan melibatkan pembabitan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta.

Katanya industri tanaman mangga Harumanis ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha, malah ia juga memberi impak ekonomi yang signifikan terhadap industri Agropelancongan dan industri hiliran negeri Perlis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan promosi 'Harumanis Kembali Lagi' anjuran Jabatan Pertanian Malaysia di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri dekat sini.

Turut hadir di majlis hari ini ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid dan Exco Pertanian Perlis Nurulhisham Yaakob.

Ronald berkata pihak Jabatan Pertanian Malaysia telah menjalin hubungan strategik dengan beberapa syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, Citylink dan Line Clear dengan mengambil kira pengalaman kaedah penghantaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas.

"Saya tidak mahu apa-apa (masalah) yang berlaku pada tahun lepas berulang lagi, apabila ketika itu kita tidak bersedia untuk penjualan secara dalam talian," katanya.

Ronald berkata antara penambahbaikan yang dilakukan dalam penghantaran buah adalah penggunaan kotak tiga lapis yang lebih kukuh, lori khas digunakan untuk mengangkut Harumanis, dan pewujudan pusat pengumpulan Harumanis.

Katanya selain itu syarikat penghantar juga memberi jaminan bahawa penghantaran Harumanis akan sampai kepada pembeli tidak melebihi tempoh tiga hari selepas pesanan diterima. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERNAMA | ONLINE | |

# 3,336 tan matrik Harumanis bernilai RM66.7 juta dikeluarkan tahun ini




Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee melancarkan Program Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Jalan Kaki Bukit dekat Beseri, Perlis hari ini.

PADANG BESAR, 11 April -- Sebanyak 3,336 tan matrik mangga Harumanis Perlis dijangka dihasilkan sepanjang tahun ini, dengan nilai pengeluaran RM66.7 juta, dan ia bakal memberi manfaat kepada 2,415 pengusaha Harumanis di seluruh negeri Perlis.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sehubungan itu promosi 'Harumanis Kembali Lagi' sehingga 30 Jun dilancarkan hari ini, yang akan melibatkan pembabitan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta.

Katanya industri tanaman mangga Harumanis ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan pengusaha, malah ia juga memberi impak ekonomi yang signifikan terhadap industri Agropelancongan dan industri hiliran negeri Perlis.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan promosi 'Harumanis Kembali Lagi' anjuran Jabatan Pertanian Malaysia di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, Beseri dekat sini.

Turut hadir di majlis hari ini ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haslina Abdul Hamid dan Exco Pertanian Perlis Nurulhisham Yaakob.

Ronald berkata pihak Jabatan Pertanian Malaysia telah menjalin hubungan strategik dengan beberapa syarikat penghantaran seperti Pos Malaysia, Citylink dan Line Clear dengan mengambil kira pengalaman kaedah penghantaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lepas.

"Saya tidak mahu apa-apa (masalah) yang berlaku pada tahun lepas berulang lagi, apabila ketika itu kita tidak bersedia untuk penjualan secara dalam talian," katanya.

Ronald berkata antara penambahbaikan yang dilakukan dalam penghantaran buah adalah penggunaan kotak tiga lapis yang lebih kukuh, lori khas digunakan untuk mengangkut Harumanis, dan pewujudan pusat pengumpulan Harumanis.

Katanya selain itu syarikat penghantar juga memberi jaminan bahawa penghantaran Harumanis akan sampai kepada pembeli tidak melebihi tempoh tiga hari selepas pesanan diterima.

– BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister of Agriculture: Courier company ensures buyer receive mangoes in 3 days | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 12 Apr 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A3 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 126 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,413 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,239 |



# 农长：快递公司保证 买家3天内收香甜芒

（加央11日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪说，今年4月11日至6月30日的玻璃市香甜芒季节，为让全国人民享用美味新鲜的香甜芒，与该部门战略合作的快递公司，保证在不超过3天的期限内把香甜芒送到买家手上。

他说，该快递公司包括Pos Malaysia、Citylink及Line Clear，公司出动只运载香甜芒的罗里，及设立专收集香甜芒盒子的中心。

"此外，果实盒子经过改善三层加厚及结实，取代不耐的一层盒子，避免在运输过程中破裂导致果实损坏。"

罗南建迪周日在玻璃市农业局位于武吉德米昂的农业中心，为"玻州香甜芒又回来了及线上销售果实的推展仪式"之前，在记者会上这么说。

他补充，农业及食品工业部设的目标是今年生产3336公吨，价值6千676万令吉的玻璃市香甜芒，州内将有2415名香甜芒企业者获利。

另外，他说，2020年，多达111个果园得到"大马良好农业规范"（MyGAP）认证，玻州农业局设目标，今年将会有84个果园得到该认证。

他提醒消费者可到附近农业局或该局的官方网站及脸书获取有关香甜芒的介绍，避免买到货不对版的果实。#




罗南建迪（右3）与Pos Malaysia代表展示经过改善三层加厚及结实的果实盒子。

## 香甜芒历史

香甜芒源自雪兰莪双溪里棠，农业局以注册号码MA128注册。

1982年在全国农民、畜牧及渔民日举行的芒果比赛之后，于1984年开始在玻州扩展种植。接着于2011年8月2日通过马来西亚知识产权局注册，有效期至今年2021年8月2日。#

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

## KPDNHEP lancar Op Harum kekang salah guna nama harumanis



KANGAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan Op Harum 1.0 untuk mengekang penyalahgunaan perihal 'harumanis' bagi mangga yang bukan berasal dari Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata inisiatif dengan kerjasama strategik Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu juga, bertujuan memantau pematuhan peniaga dalam urusan jualan mangga eksklusif itu agar tidak timbul sebarang kekeliruan pada pihak pengguna.

"Penyalahgunaan perihal harumanis bagi mangga yang bukan daripada varieti harumanis Perlis boleh menjejaskan pendapatan serta hasil pengusaha tempatan sebab ada yang guna nama harumanis tetapi bukan dari Perlis.

"Harumanis ini identitinya memang (dari) Perlis, tetapi ada yang import, kata harumanis juga... Kalau kata harumanis Kemboja, itu bukan harumanis," katanya.

Perlis usahakan 'Harumanis' cap dagangan negeri

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Sijil Logo Buatan Malaysia kepada Syarikat HPA Industries Sdn Bhd di Jejawi dekat sini, semalam.

Nanta berkata, menerusi Op Harum 1.0, pemantauan yang dikuatkuasakan termasuk memastikan peniaga meletakkan tanda harga serta mempamerkan jenis buah dengan jelas, selain menggunakan alat timbang yang sah.

Katanya, setiap penjual juga perlu menggunakan cap dagangan harumanis yang sah dan jika pengguna mendapati ada mana-mana peniaga gagal berbuat demikian, mereka boleh melaporkan perkara itu kepada KPDNHEP untuk siasatan lanjut.

"Harapan kementerian adalah dengan pelaksanaan penguatkuasaan ini, peniaga akan lebih beretika dan pengguna dapat menjalankan urus niaga belian dengan lebih bijak," katanya.

Sementara itu, Nanta juga mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam sektor peruncitan khususnya, agar terus meningkatkan tahap kepatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kementerian bagi memastikan sektor perniagaan dapat terus berjalan dengan lancar.

"Setakat ini, untuk sektor peruncitan di bawah kawal selia KPDNHEP, tahap kepatuhan (SOP) sangat tinggi, kita ambil berat perkara ini bagi menjamin agar perniagaan boleh diteruskan dan ekonomi dapat dipulihkan secepat mungkin," katanya.– BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SIN CHEW | ONLINE | |

逾3000公吨玻香甜芒上市·部长：收入目标6700万

即时国内

+ 关注

广告



罗纳建迪（右）向媒体展示大马邮政公司在玻香甜芒快递盒贴上的"易腐烂"急件贴纸。

（加央11日讯）玻璃市香甜芒（Harumanis Perlis）今天正式大量上市！玻州农业局预计有2415名果农出产的3336公吨玻香甜芒应付本地市场，收入目标达6670万令吉。

扫二维码分辨

农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪说，玻州农业局今年起，将开始与小部分果农配合，采用二维码（QR Code）作为追溯系统，方便消费者分辨玻香甜芒。

他说，这项系统也能让消费者掌握玻香甜芒的产地、果农等资料，预料明年将全面落实在"大马良好农业规范认证"（myGAP）果农所出产的玻香甜芒。

他今天到玻州农业局武吉德敏中心，出席"玻香甜芒又上市了"推展礼时这么说。

玻州农业局局长哈菲祖丁（左三起）向罗纳建迪讲解玻香甜芒的处理过程（马新社照片）。

与快递网购公司合作推销

他说，由于去年玻香甜芒季节时遇上行动管制令，导致滞销和运送出问题，所以玻州农业局今年首次与快递公司及网购公司配合，积极解决运送及推销问题。



他说，玻香甜芒季节从4月11日至6月30日，玻州农业局及联邦销售局已与3家快递公司即Citylink、Line Clear及大马邮政公司（Pos Malaysia）合作，在州内增设包裹收集站，也安排专车运送玻香甜芒直达其他州的分拨中心。

询及玻香甜芒出口事宜，他说，当局曾出口玻香甜芒到日本，直至2015年因产量只能应付本地市场而停止输出国，而且玻香甜芒属于优质芒果（premium quality），须达到品质保证才能出口。

“其实我国至今仍依赖进口芒果，本地产的芒果也只占了（本地）市场的31%。”

广告

**文章来源：星洲日报 作者：张洁盈**

## 保证3天送到家

# 香甜芒6月杪开卖

（玻璃市11日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士指出，预计玻璃市州香甜芒今年将生产3336吨，产值达6670万令吉，这将使整个玻州的2415名香甜芒业者受益。

### 公私单位总动员参与

他表示，"香甜芒又来了"促销活动将于6月30日启动，包括政府和私人机构在内的所有单位将参与。

罗纳建迪今日为农业部的"香甜芒又来了"促销活动主持推介礼后这么说。在场者包括农业及食品工业部第一副部长拿督斯里阿末韩沙、第二副部长沙丽哈、秘书长拿督哈斯南及掌管玻州农业委员会的行政议员拿督鲁克曼山丽谷。

他说，推动香甜芒不只可以增加业者收入，也对农业领域和玻璃市的下游工业产生重大的经济影响。

罗纳建迪说，有鉴于去年行动管控令期间的运送经验后，农业部已与邮政公司、Citylink和Line Clear等几家快递公司建立战略关系。

他说，在配送方面的改进，包括使用更坚硬的三层箱子、用特制冷库运送香甜芒，以及建立香甜芒收货中心。

他说，运输公司也保证，香甜芒的配送将会在3天内送到买家手中。




罗纳建迪推介"香甜芒又来了"促销活动。

# 香甜芒行动1.0遏制充货

（加央11日讯）国内贸易和消费人事务部推动"香甜芒行动1.0"（Op Harum 1.0），以遏制非产自玻璃市州的芒果，被当成玻州的香甜芒。

贸消部长拿督亚历山大南达林奇表示，这项与马来西亚联邦农业销售局的战略性合作，也旨在保护业者在销售玻州特产的这类芒果时遵守条规，以免造成消费人混淆。

他说，若来自玻州，却冒用香甜芒的品牌，会影响当地业者的收入。

亚历山大今日颁发马来西亚制造的徽章证书给HPA工业有限公司后，在新闻发布会上说，香甜芒源自玻璃市，惟有些进口芒果却冒称是香甜芒，说是来自玻璃市的香甜芒，但并不是真正的香甜芒。

提到"香甜芒行动1.0"时，他说，贸消部执行的法案，包括确保香甜芒的业者放置价格标签，并明确展示水果来源，以及需使用标准的磅秤。

他强调，业者必须使用合法的"香甜芒"标签，若消费人发现业者没有遵循指示，可直接向贸消部投诉，以作进一步调查。

他说，贸消部希望随着执行此执法措施后，业者能更有诚信的经营，消费人也能更精明的购买。

另一方面，亚历山大特别提醒各方，尤其是零售业者，继续提高对农业部制定的标准作业程序的遵守程度，以确保食业领域可持续顺畅运作。

他形容，截至目前，贸消部监管的零售业，遵守标准作业程序的水平非常高，只要认清有问题，就可确保商业活动能够继续进行，经济就可尽快复苏。

# 原产部：共3万2000个空缺<br>优先聘国人！

（吉隆坡11日讯）种植及原产业部仍将优先考虑，让国人填补3万2000个收割油棕果空缺，同时将继续通过广告及招聘信息，来填补这些空缺。

副长拿督威拉末汉鲁丁博士说，尽管该部已大规模地通过职业展及广告，包括通过JobsMalaysia网站招聘，但国人对上述职位的反应依然冷淡。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Op Harum kekang salah guna nama harumanis

## Kerjasama dengan FAMA pastikan pematuhan urusan jualan elak pengguna keliru

**Kangar:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan Op Harum 1.0 untuk mengekang penyalahgunaan perihal 'harumanis' bagi mangga yang bukan berasal dari Perlis.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata inisiatif dengan kerjasama strategik Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu juga, bertujuan memantau pematuhan peniaga dalam urusan jualan mangga eksklusif itu agar tidak timbul sebarang kekeliruan pada pihak pengguna.

"Penyalahgunaan perihal harumanis bagi mangga bukan daripada varieti harumanis Perlis boleh menjejaskan pendapatan serta hasil pengusaha tempatan sebab ada yang guna nama harumanis, tetapi bukan dari Perlis.

"Harumanis ini identitinya memang (dari) Perlis, tetapi ada yang import, kata harumanis juga. Kalau kata harumanis Kemboja, itu bukan harumanis," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Sijil Logo Buatan Malaysia kepada Syarikat HPA Industries Sdn Bhd di Jejawi dekat sini, semalam.

Nanta berkata, menerusi Op Harum 1.0, pemantauan yang dikuat kuasakan, termasuk memastikan peniaga meletakkan tanda harga serta mempamer jenis buah dengan jelas, selain menggunakan alat timbang yang sah.

Beliau berkata, setiap penjual juga perlu menggunakan cap dagangan harumanis yang sah dan jika pengguna mendapati ada mana-mana peniaga gagal berbuat demikian, mereka boleh melaporkan perkara itu kepada KPDNHEP untuk siasatan lanjut.

"Harapan kementerian adalah dengan pelaksanaan penguatkuasaan ini, peniaga akan lebih beretika dan pengguna dapat menjalankan urus niaga belian dengan lebih bijak," katanya.

Sementara itu, Nanta juga mengingatkan semua pihak yang terbabit dalam sektor peruncitan khususnya, agar terus meningkatkan tahap kepatuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kementerian bagi memastikan sektor perniagaan dapat terus berjalan lancar. BERNAMA




*Nanta (kiri) menyerahkan Sijil Logo Buatan Malaysia kepada Pengasas Syarikat HPA Industries Sdn Bhd, Ismail Ahmad di Jejawi, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Sasar jualan dalam talian mangga dari Perlis lebih 50 peratus

**Padang Besar:** Kerajaan meletak sasaran lebih 50 peratus jualan mangga harumanis dari Perlis dapat dijual melalui platform e-dagang atau dalam talian, tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia bagi mengelak wujud lambakan seperti yang berlaku tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan COVID-19.

"Tahun ini, kita menjalankan promosi jualan mangga harumanis dari Perlis secara agresif kerana tidak mahu isu lambakan berulang hingga menyebabkan kerugian kepada pengusaha.

"Kita tetap menggunakan platform e-dagang atau jualan dalam talian dan tahun ini, kita menyasarkan lebih 50 peratus mangga harumanis dapat dijual menerusi platform ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Jabatan Pertanian Perlis, Bukit Temiang, Beseri, semalam.

Ronald berkata, pelaksanaan PKP bukan hanya menjejaskan penawaran mangga harumanis, tetapi beberapa buah-buahan dan sayur-sayuran turut berdepan lambakan berikutan larangan merentas daerah dan negeri.

"Kita berjaya melaksanakan langkah proaktif dengan berkolaborasi bersama syarikat kurier bagi memastikan mangga harumanis ini dapat sampai kepada pembelinya mengikut masa.

"Penjualan harumanis di Perlis adalah perniagaan yang besar kepada pengusahanya dan tahun ini kita menjangkakan pengeluaran mampu mencecah 3,336 tan dengan nilai pengeluaran dianggar RM66.7 juta," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian Negeri Perlis tampil bersedia bekerjasama dengan syarikat pos dan kurier seperti Pos Malaysia, CityLink dan Line Clear dalam memastikan penghantaran tahun ini berjalan lancar.

Terdahulu, Ronald meluangkan masa melakukan tinjauan mesra di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir, Beseri di sini.

Musim mangga harumanis di Perlis secara rasminya bermula hari ini sehingga 30 Jun ini.

Pada masa sama, sejumlah 111 ladang harumanis di Perlis mendapat pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) dan pihak Jabatan Pertanian Negeri Perlis meletak sasaran 84 lagi ladang memperoleh pengiktirafan pensijilan MyGAP.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

## Bekalan dijamin mencukupi bagi musim perayaan: JPV

MELAKA: Bekalan daging, susu, ayam dan telur bagi keperluan orang ramai sepanjang bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri serta Aidiladha nanti, dijamin mencukupi.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Datuk Dr Norlizan Mohd Noor yang memberikan jaminan itu berkata sejak awal tahun ini lagi banyak pengimport mendapatkan bekalan daging kerbau sejuk beku dari India, di samping daging lembu dari Australia, New Zealand dan juga Pakistan.

Beliau berkata, pengimportan daging lembu dan kerbau dari luar negara adalah penting kerana Malaysia masih bergantung harap kepada sumber berkenaan bagi menjamin bekalan, seterusnya memenuhi keperluan pengguna.

"Di samping itu kita juga ada jawatankuasa yang memantau perkara ini dan insya-Allah keperluan daging mencukupi, serta dapat memenuhi keperluan pengguna bukan sahaja untuk bulan Ramadan dan Syawal, malah hingga dua bulan akan datang.

"Sebagai contoh ada juga dalam kalangan penternak yang telah menyediakan stok bekalan lembu korban tiga hingga empat bulan lebih awal, jadi pengguna tidak perlu bimbang," katanya kepada Bernama di sini.

Norlizan berkata, bagi jaminan bekalan daging, sebanyak 210,000 metrik tan lembu dan kerbau diperlukan negara setahun, namun negara hanya mampu menghasilkan 46,000 tan metrik iaitu kira-kira 22 peratus pada tahun lepas daripada sumber ternakan dalam negara.

Beliau berkata, JPV telah merangka pelbagai program dan usaha bagi meningkatkan pengeluaran daging negara, antaranya 'Beef Plan' sejak 2019, selain menjalin kerjasama erat dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Terdapat empat aktiviti utama dijalankan bagi program ternakan iaitu, ternakan fidlot, penternakan integrasi seperti lembu baka tempatan Kedah-Kelantan Elit (KK Elit), ternakan konvesional iaitu ternakan secara kecil-kecilan dan bebas kampung, dan sumbangan tenusu.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Sulaiman Md Ali pula memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan memastikan bekalan keperluan harian penduduk Melaka sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan pengguna sepanjang bulan Ramadan dan musim perayaan Aidilfitri.

Beliau berkata, pihaknya telah berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Melaka semalam mengenai perkata itu, dan meminta mereka meningkatkan pemantauan di semua premis perniagaan sama ada di pasar dan bazar Ramadan, kedai runcit, pasar raya dan sebagainya, supaya tidak berlaku kenaikan harga terlalu tinggi pada bulan Ramadan ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas melawat Pasar Tani Pra-Ramadan peringkat negeri 'Jom Mantai Puasa' 2021 bersama dengan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ghazale Muhamad dan Pengarah FAMA Melaka Mohd Azraie Ramli, di Pasar Tani Merlimau di sini semalam.

Sulaiman berkata, Pasar Tani Pra-Ramadan itu diadakan bagi memberi kemudahan kepada orang ramai membuat persiapan awal menyambut Ramadan di tujuh lokasi sekitar negeri ini bermula 4 hingga 11 April. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SIN CHEW.COM | ONLINE | |

**仄阿都拉**：优先与土团谈议席分配，**不代表伊党拒与巫统协商**

即时国内

+ 关注

广告




仄阿都拉（左二）移交模拟支票给其中一名年轻农友。中为玻州农业事务委员会主席奴鲁希山。

（加央10日讯）伊斯兰党丹州联委会秘书拿督仄阿都拉认为，伊党现阶段优先与土团党谈判议席分配事宜，但不代表对巫统关上协商大门。

他说，伊党只是扮演团结穆斯林的主要角色，那些不愿看到穆斯林团结的人，就会把矛头朝向伊党，尤其对党主席拿督斯里哈迪阿旺做出种种攻击。

“无论如何，巫伊和土团党的议席分配还没定案，我们只要确保国盟能继续领导国家，而不是再把政权落回曾执政大马22个月的希盟手上。”

他也是农业及食品工业部副部长，他今日在加央斯里马来西亚酒店出席"年轻农业企业巡回"活动时回应媒体提问。

仄阿都拉坦言，行动党的确来势汹汹，有意进军丹州，并得到诚信党的大力协助巩固在丹州的地位，不过丹州有95%巫裔选民，他对州民有信心，将会拒绝行动党并让候选人失去按柜金。

录音真假交警调查

另一方面，针对流传疑似巫统主席拿督斯里阿末扎希和公正党主席拿督斯里安华的通话录音，他个人认为，那是他俩的自由，要和任何人商议任何事物，其他人不需要介入，至于录音的真假就交给警方调查。

另外，仄阿都拉致词时说，该部门有意把农业领域年轻化，鼓励更多年轻人参与，并推动农业现代科技，以强化农业研究与发展。

他说，从2016年推介年轻农业企业计划以来，已有6969名年龄介于18岁至40岁的年轻农友受惠，获批1亿2623万令吉补助。

广告

文章来源：星洲日报 作者：张洁盈

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |



SULAIMAN (kanan) mengedarkan poster pembudayaan norma baharu kepada peniaga pada Pelancaran Pasar Tani Pra Ramadan Peringkat Melaka 2021 di Merlimau, semalam.

# Peniaga usah ambil kesempatan naik harga

**Jasin:** Amaran keras diberikan supaya peniaga di negeri ini tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan sesuka hati sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, langkah itu bagi memastikan pengguna tidak menjadi mangsa ditambah dengan keadaan ekonomi tidak menentu kini.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri untuk melakukan pemantauan di semua pasar dan bazar Ramadan.

"Saya mohon semua peniaga tidak kira di bazar Ramadan atau pasar tani tidak menaikkan harga kerana dalam keadaan ekonomi tidak menentu dan sukar ini, saya tidak mahu pengguna terkesan.

"Saya sudah memaklumkan kepada KPDNHEP untuk memantau harga supaya ia berpatutan kerana kita masih lagi terkesan dengan pandemik Covid-19," katanya pada Pelancaran Pasar Tani Pra Ramadan Peringkat Melaka 2021 di Merlimau di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Ghazale Muhamad dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

## Peladang Outlet kurangkan pengaruh orang tengah - Ronald



Ronald (dua, kiri) diringi Samsolbari (kiri) ketika melihat pelbagai sayuran yang dijual di Peladang Outlet ketika hadir bagi melancarkan Majlis Pelancaran PO Peringkat Kebangsaan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang, hari ini. - Gambar Bernama

Ronald (dua, kiri) diringi Samsolbari (kiri) ketika melihat pelbagai sayuran yang dijual di Peladang Outlet ketika hadir bagi melancarkan Majlis Pelancaran PO Peringkat Kebangsaan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang, hari ini. - Gambar Bernama

KLUANG: Penjenamaan semula Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) kepada Peladang Outlet (PO) yang dilancarkan hari ini, dapat mengurangkan pengaruh orang tengah dalam urusan pembelian dan penjualan hasil tani negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (gambar) berkata melalui PO, setiap pengusaha dapat menjual hasil pertanian dengan lebih menguntungkan, memandangkan hanya dikenakan caj pengurusan tidak melebihi RM1 bagi setiap sekilogram produk, bergantung kepada harga pasaran.

Menurut beliau, penjenamaan semula itu turut meningkatkan nilai komersial pusat tersebut sekali gus meningkatkan kesedaran pengguna mengenai keberadaan jenama peladang dalam pasaran.

"Sebagai contoh bagi sekilogram cili yang berharga RM9, PO beli pada harga RM8. Kalau orang tengah (orang luar), mereka beli sekitar RM6 sahaja, tidak kurang daripada itu.

"Jadi sudah tentu keuntungan dia (orang tengah) lebih besar tetapi apabila PO ini ada, kerja-kerja orang tengah ini semua dibuat di pusat ini, sebelum produk akhirnya nanti dijual kepada pembeli merangkumi pasar raya, pemborong dan lain-lain," katanya.

Ronald berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran PO Peringkat Kebangsaan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor Datuk Samsolbari Jamali, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim.

Ronald berkata program penjenamaan itu juga demi memastikan saluran pemasaran Pertubuhan Peladang (PP) kekal dalam perniagaan seiring dengan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

"Penggunaan jenama PO adalah jenama baharu yang akan mewakili seluruh PP agar mampu bersaing dan menjadi peneraju kepada aktiviti pemasaran, sekali gus dapat menggambarkan fungsi peladang itu sendiri yang mempunyai pelbagai produk," katanya.

Terdahulu, bersempena majlis itu, Ronald turut menyampaikan 22 lori sejuk beku dan kargo dengan peruntukan RM3.4 juta kepada PP seluruh negara.

Peruntukan tersebut diberikan di bawah Dana Khas Agromakanan Pertubuhan Peladang (Mobilisasi dan Logistik) melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin.

Turut disampaikan peruntukan Projek Pertanian Organik bernilai RM3.2 juta dan peruntukan modal pusingan bagi kumpulan wang pinjaman Pertubuhan Peladang PPK Kluang bernilai RM400,000. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Masyarakat tani digalak pasar produk secara dalam talian




Ronald pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara MTDC dengan Agrobank untuk kolaborasi dan mempromosikan program pembangunan usahawan bagi merancakkan amalan teknologi industri 4.0 sektor pertanian di MAFI hari ini. - Gambar Bernama

Ronald pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara MTDC dengan Agrobank untuk kolaborasi dan mempromosikan program pembangunan usahawan bagi merancakkan amalan teknologi industri 4.0 sektor pertanian di MAFI hari ini. - Gambar Bernama

KLUANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam usaha menggalakkan masyarakat tani menggunakan teknologi terkini seperti platform e-dagang untuk memasarkan hasil tani mereka secara dalam talian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata langkah ini penting kerana penggunaan teknologi telah terbukti dapat meningkatkan hasil jualan.

Mengambil contoh ketika pandemik COVID-19 melanda negara setahun lalu, Ronald berkata kementerian telah berjaya merekodkan lebih RM300 juta hasil jualan tani melalui tiga platform e-dagang yang dibangunkan.

Katanya platform itu ialah Agro Bazaar Online, Nekmatbiz dan e-peladang, masing-masing dikendalikan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Kita (kementerian) melihat perniagaan dalam talian ketika pandemik COVID-19 sebagai satu bentuk atau alternatif jualan dan pemasaran yang efektif.

"Kita berharap platform sebegini terus digunakan oleh pengguna atau organisasi seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk mempromosikan pembelian atau jualan hasil tani mereka.

"Pada masa sama, kita juga tidak menghalang pihak persendirian (masyarakat tani) untuk membangunkan platform e-dagang sendiri bagi tujuan sama," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Peladang Outlet (PO) peringkat Kebangsaan di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/4/2021 | THE STAR | NATION | 2 |


# Execs nabbed in meat cartel crackdown

By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my




**Media briefing:** Comm Huzir showing the states where Ops Kartel Daging was conducted at the state police headquarters in Johor Baru.

JOHOR BARU: Police have arrested 36 people in several states over its investigation into the meat cartel that makes fake halal labels and certificates.

Bukit Aman CID director Comm Datuk Huzir Mohamed said the suspects, mostly directors and managers of various companies, were arrested during Ops Kartel Daging that was carried out last Friday involving 19 companies in six states.

"The suspects, aged between 28 and 67, were arrested in Johor, Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Penang and Kedah.

"They have been raking in profits of between RM1mil and RM52mil a year from their criminal activities from 2018 to 2020," he told a press conference at the state police headquarters here yesterday.

Comm Huzir added that the suspects, consisting of 26 men and 10 women, got their supply from a food company in Ulu Tiram here, which imported frozen meat from Brazil.

"This company receives a lot of demand as it sells meat at a lower price compared to other companies, which are between 20 sen and RM1 per kilogramme.

"The company is also able to provide an easier payment scheme, namely credit for three months, apart from being able to meet customer demand because it always has sufficient stock," he said.

He added that investigations into the frozen food company revealed it had four permits to import 108 tonnes of meat into the country.

"However, the company has managed to distribute more than 1,000 tonnes of meat to 202 companies based on invoices seized, prompting suspicion from the police.

"From the 202 companies, we have taken action against 19 companies with the arrest of 36 people," he said, adding that more arrests were expected soon.

Comm Huzir said aside from importing meat from Brazil, the company also received its meat supply from local companies before repacking it and distributing it to its customers.

He added that police were also seeking two men identified as Tan Siew Huak, 42, from Ulu Tiram, and Wong Ah Kheong, 44, from Kuantan, to assist in its investigations.

Comm Huzir also noted that the case was being investigated under Section 120B of the Penal Code for criminal conspiracy, which carries a fine not more than RM100,000 or imprisonment not more than three years or both.

He stressed that the activity had created doubt in the public on the halal status of all meat in the market as it also did not have any verification from the Veterinary Services Department in terms of hygiene.

Last year, the authorities busted a cartel that had been smuggling meat from Ukraine, Brazil, Argentina and China, and repackaging it with fake halal logos.

A raid was carried out at a warehouse in Senai where 1,500 tonnes of frozen meat worth RM30mil were seized.

The cartel, believed to have been operating for a few years, had allegedly been using the warehouse as a location to make fake labels and stamps to be pasted on packages of meat that does not have halal certification.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# 3 kontena bawa muatan kayu dirampas



*Muatan kayu bergergaji dirampas MAQIS Pulau Pinang di Pengkalan KontenaButterworth Utara di Butterworth, kelmarin.*(Foto MAQIS Pulau Pinang)

**Butterworth:** Tiga kontena yang membawa masuk 83.966 meter kubik (MTQ) muatan kayu bergergaji bernilai lebih RM500,000 dari Australia dan Hungary, ditahan dalam pemeriksaan di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, kelmarin.

Penahanan kontena pada jam 5.32 petang dijalankan pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang.

Pengarah MAQIS negeri, Noriah Dahlan, berkata pemeriksaan rutin mendapati tiga kontena yang masuk ke pelabuhan membawa muatan spesies kayu bergergaji sebanyak 83.966 MTQ yang dianggarkan bernilai RM500,191.16.

"Pemeriksaan juga mendapati dagangan diimport dari negara Australia dan Hungary itu gagal mematuhi syarat yang dinyatakan pada permit import yang diluluskan oleh MAQIS.

"Oleh itu, semua kayu itu dirampas untuk siasatan selanjutnya," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Katanya, sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara selama tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 15(2) akta sama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | KOSMO | NEGARA | 9 |

Kaut untung RM52 juta setahun, edar lebih 1,000 tan daging import dari Brazil

# Komplot 19 syarikat kartel daging

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Polis mendedahkan wujudnya pakatan jahat melibatkan 19 buah syarikat yang berkomplot mengedar daging import sejuk beku dari Brazil melebihi had permit selain menggunakan kotak berlogo halal bagi mengeliru syarikat pembekal yang lain.

Menerusi perbuatan itu, syarikat terbabit telah mengedarkan lebih daripada 1,000 tan daging import kepada 202 syarikat dan mengaut keuntungan sehingga RM52 juta setahun.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, siasatan mendapati kesemua 19 syarikat itu telah berkomplot dengan sebuah pengimport daging sejuk beku import yang sah sejak 2018 hingga tahun lalu.

Katanya, kegiatan 19 syarikat itu terbongkar selepas pihaknya menahan 36 individu dalam Ops Kartel Daging yang dilancarkan JSJ di seluruh negara pada Jumaat lalu.

"Dalam operasi ini, polis menahan seramai 34 pengarah syarikat dan dua pengurus syarikat yang terdiri daripada 26 lelaki dan 10 wanita berusia 28 hingga 67 tahun.

"Hasil siasatan mendapati, kesemua pengarah dan pengurus syarikat yang terlibat merupakan pelanggan pengimport daging sejuk beku yang sah dari Brazil," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Hadir sama Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Huzir berkata, mengikut permit import, syarikat itu hanya layak untuk mengimport sebanyak 108 tan daging menggunakan empat permit di mana satu permit hanya layak untuk mengimport sebanyak 27 tan sahaja.

Bagaimanapun, syarikat terbabit didapati telah mengedar lebih daripada 1,000 tan kepada 202 pelanggan yang dibuktikan melalui invois yang dirampas.

Jelasnya, selain daripada mengimport bekalan dari syarikat di Brazil, pihak terbabit juga menerima bekalan daging daripada syarikat tempatan.

"Syarikat ini turut didapati menempah kotak berlogo halal untuk membungkus semula daging yang diimport dari Brazil dan daging dari syarikat tempatan bagi memenuhi permintaan pelanggan.

"Siasatan pihak polis mendapati kegiatan ini telah menyebabkan timbulnya isu keraguan status halal terhadap bekalan daging yang ada di pasaran.

"Ini bukan sahaja memberi kesan kepada umat Islam tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia. Daging yang dibungkus semula itu tidak dapat disahkan tahap kebersihan dan tidak diperakui oleh pihak veterinar," katanya.

Katanya, polis masih meneruskan usaha memburu dua suspek utama iaitu Tan Siew Huak yang berasal dari Ulu Tiram, dekat sini dan Wong Ah Kheong dari Kuantan, Pahang.




HUZIR (kanan) dan Ayob Khan (tengah) menunjukkan gambar dua suspek utama yang masih diburu bagi membantu siasatan kes kartel daging pada sidang akhbar di IPK Johor, Johor Bahru semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 3 |

Oleh Nurul Amanina Suhaini
am@hmetro.com.my

# KAUT RM52 JUTA SETAHUN

## *Polis tahan 36 individu disyaki terbabit sindiket kartel daging sejuk beku import*

**Johor Bahru**

Polis menahan seramai 36 individu menerusi Op Kartel Daging yang dilancarkan pada 9 April lalu di enam negeri kerana disyaki terbabit dengan sindiket kartel daging sejuk beku import.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Huzir Mohamed berkata, 34 daripada yang ditahan itu ialah pengarah syarikat manakala dua lagi pengurus berusia antara 28 hingga 67 tahun.

Beliau berkata, sebanyak 19 syarikat pengedar disyaki berkomplot dengan sebuah syarikat yang mempunyai permit sah mengimport daging dari Brazil itu.

"Mengikut syarat permit, syarikat ini hanya layak mengimport 27 tan daging bagi satu permit yang dikeluarkan namun mengedar lebih 1,000 tan dengan keuntungan tahunan sehingga RM52 juta.

"Mereka menggunakan empat daripada lima permit pengimport yang dikeluarkan bagi tahun lalu selain didapati mengedarkan kepada 202 pelanggan.

"Perkara ini dikesan menerusi invois yang dirampas polis," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Huzir berkata, syarikat itu turut didapati menempah kotak berlogo halal untuk membungkus semula daging diimport dari Brazil.

"Siasatan mendapati syarikat ini banyak menerima tempahan kerana menawarkan harga lebih murah selain memberi kemudahan pembayaran mudah iaitu kredit selama tiga bulan berbanding syarikat lain yang menerima pembayaran tunai semasa serahan (COD).

"Syarikat ini juga mampu memenuhi permintaan pelanggan kerana sentiasa mempunyai stok mencukupi sedangkan siasatan mendapati syarikat itu hanya menggunakan empat permit bersamaan 108 tan daging.

"Kegiatan ini menyebabkan timbulnya isu keraguan status halal terhadap bekalan daging yang ada di pasaran, bukan saja memberi kesan kepada masyarakat, malah daging yang dibungkus semula tidak dapat disahkan tahap kebersihannya dan tidak diperakui veterinar," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, polis sedang mengesan dua dalang utama berusia 42 dan 44 tahun untuk membantu siasatan.

"Dua kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan peringkat Bukit Aman dan Seksyen 120B Kanun Keseksaan di Kontinjen Johor.

"Siasatan bagi Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan menunjukkan tiada keterangan untuk menuduh mana-mana individu, namun siasatan di Kontinjen Johor mendapati wujud elemen yang menjurus kepada kesalahan pakatan jahat jenayah," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



Polis bongkar kegiatan tukar daging haram jadi halal

# KOMPLOT 19 KARTEL DAGING

- Pakatan jahat 19 syarikat yang berkomplot mengimport daging sejuk beku dari Brazil dan mengedarkannya di pasaran tempatan menggunakan logo halal palsu terbongkar selepas 36 individu ditahan dalam Op Kartel Daging, Jumaat lalu.
- Syarikat terbabit dikesan telah mengedarkan lebih 1,000 tan daging berbanding 108 tan yang dibenarkan dalam permit import, selain mengaut keuntungan sehingga RM52 juta setahun.
- Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, polis masih mengesan dua lagi suspek yang masih bebas iaitu Tan Siew Huak dari Ulu Tiram, Johor dan Wong Ah Kheong dari Kuantan, Pahang.

2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Pakatan jahat terbongkar

**Pengimport daging sejuk beku dari Brazil bersekongkol dengan pengedar kaut untung sehingga RM52 juta**

Oleh FARAH SHAZWANI

**JOHOR BAHRU**

Pakatan jahat melibatkan 19 syarikat pengedar daging dengan pengimport daging sejuk beku dari Brazil terbongkar apabila seramai 36 orang suspek ditahan dalam Op Kartel Daging yang dilancarkan pihak polis di seluruh negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, dalam operasi khas bermula 9 April lalu, polis berjaya menahan semua suspek berusia dari 28 hingga 67 tahun, melibatkan 26 lelaki dan 10 perempuan.

Menurutnya, tangkapan itu membabitkan 15 suspek di Johor, tujuh di Pulau Pinang, Kuala Lumpur (tujuh), Selangor (lima), Perak (seorang) dan Kedah (seorang).

"Hasil siasatan setakat ini mendapati syarikat utama yang terlibat merupakan pengimport daging sejuk beku yang sah dari Brazil.

"Mengikut permit pengimport, syarikat itu hanya layak mengimport sebanyak 27 tan daging bagi satu permit dikeluarkan," katanya dalam sidang akhbar khas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini pada Ahad.



Huzir (kanan) bersama Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay (tengah) menunjukkan carta aliran pembekalan daging serta tangkapan kartel pada sidang media di IPK Johor pada Ahad.




Muka depan *Sinar Harian* 2 Disember 2020.

Tambah beliau, hasil siasatan mendapati syarikat tersebut hanya menggunakan empat daripada lima permit pengimport dikeluarkan bagi tahun 2020 atau melibatkan 108 tan daging sahaja.

"Bagaimanapun, syarikat itu didapati mengedarkan lebih daripada 1,000 tan kepada 202 pelanggan yang dibuktikan melalui invois yang dirampas," ujarnya.

Menurut Huzir, sebanyak 19 syarikat pengedar yang bekerjasama dengan pengimport utama itu berjaya dikesan dan tangkapan melibatkan tujuh syarikat di Johor, empat syarikat di Kuala Lumpur, Selangor (empat), Perak (satu), Pulau Pinang (dua) dan Kedah (satu).

Katanya lagi, 19 syarikat tersebut yang merupakan pengedar daging meraih keuntungan tahunan antara RM1juta dan RM52 juta.



Syarikat terbabit didapati menempah kotak berlogo halal secara tidak sah. (Gambar hiasan)

"Syarikat pengimport daging itu mendapat bekalan dari Brazil dan turut menerima bekalan daripada syarikat tempatan.

"Bekalan yang diterima akan dibungkus semula sebelum diedarkan kepada pelanggan.

"Syarikat ini juga didapati telah menempah kotak berlogo halal untuk membungkus semula daging yang diimport dari Brazil dan yang diterima daripada syarikat tempatan bagi memenuhi permintaan pelanggan," terang beliau.

Jelas Huzir, siasatan polis mendapati, kegiatan itu menyebabkan timbulnya isu keraguan status halal terhadap bekalan daging yang ada di pasaran negara.

Katanya, ia bukan sahaja memberi kesan kepada umat Islam, tetapi kepada seluruh rakyat Malaysia memandangkan daging yang dibungkus semula juga tidak dapat disahkan tahap kebersihannya dan tidak diperakui oleh pihak veterinar.

"Polis akan meneruskan siasatan berkaitan isu kartel daging ini dan usaha mengesan dua lagi suspek yang masih bebas iaitu Tan Siew Huak dari Ulu Tiram, Johor dan Wong Ah Kheong dari Kuantan, Pahang giat dijalankan," tegasnya.

## Jalan mudah halalkan daging import

***SINAR Harian*** pada 23 November lalu mula mendedahkan mengenai syarikat ejen fret yang menguruskan proses import daging sejuk beku mengambil jalan mudah mengimport daging sejuk beku dari negara yang tidak menerima kelulusan sah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Kegiatan yang berlaku sejak beberapa tahun lalu itu didakwa dibantu 'orang dalam' di pintu masuk negara apabila kebanyakan daging sejuk beku import itu dibawa masuk menggunakan dokumen palsu.

Pada 1 Disember 2020, satu serbuan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kastam Diraja Malaysia, Jakim dan Jabatan Agama Islam Johor di sebuah gedung sejuk beku di Senai, Johor.

Lapan kertas siasatan dibuka dengan lapan oleh SPRM, manakala KPDNHEP dan kastam masing-masing satu.

Sebanyak tujuh pertuduhan dibuat terhadap tiga individu termasuk seorang yang masih bebas di bawah Seksyen 5(1)(a), Seksyen 5(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011, Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Susulan daripada serbuan itu, pihak polis menjalankan siasatan lanjut dengan membuka dua kertas siasatan di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan di peringkat Bukit Aman dan Seksyen 120B Kanun Keseksaan di Kontinjen Johor.

Siasatan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan telah tiada tindakan lanjut (NFA) kerana tiada keterangan untuk menuduh mana-mana individu manakala siasatan di Kontinjen Johor mendapati wujudnya elemen yang menjurus kepada kesalahan pakatan jahat jenayah.

Lanjutan itu, pada 9 April 2021, Op Kartel Daging dilancarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah di seluruh negara.

Operasi tersebut mengambil masa lama untuk dilancarkan kerana menunggu hasil siasatan dari agensi lain selesai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Kartel daging import kaut RM52 juta setahun tumpas

**Oleh Nurul Amanina Suhaini**
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Polis menumpaskan kartel daging import membabitkan 19 syarikat pengedar yang mengaut keuntungan sehingga RM52 juta setahun dalam beberapa serbuan yang dibuat serentak di seluruh negara pada 9 April lalu.

Kegiatan kartel yang disyaki berkomplot dengan pengimport daging sejuk beku dari Brazil itu tumpas, selepas polis menahan 36 suspek, termasuk 10 wanita menerusi Op Kartel Daging.

Daripada 36 suspek itu, 34 adalah pengarah syarikat dan dua lagi pengurus berusia 28 hingga 67 tahun. Lima belas diberkas di Johor, Pulau Pinang (7), Kuala Lumpur (7), Selangor (5), Perak (1) dan Kedah. Polis kini mengesan dua dalang utama kartel itu berusia 42 dan 44 tahun.

*Nasional* 2




*Huzir menunjukkan carta tangkapan mengikut negeri pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Johor Bahru, semalam*

(Foto Nur Aisyah Mazalan/ BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 2 |

# 19 syarikat berkomplot

*Dari Muka 1*

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata daripada 19 syarikat yang terbabit, tujuh adalah di Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (empat), Selangor (empat), Perak (satu), Pulau Pinang (dua) dan Kedah (satu).

Beliau berkata, 19 syarikat itu didapati berkomplot dengan sebuah syarikat yang juga pengimport daging sejuk beku yang sah dari Brazil.

"Mengikut permit pengimport, syarikat pengimport sah dari Brazil itu hanya layak mengimport 27 tan daging bagi satu permit yang dikeluarkan.

"Syarikat berkenaan hanya menggunakan empat daripada lima permit pengimport yang dikeluarkan bagi tahun lalu.

"Bagaimanapun, syarikat itu didapati telah mengedarkan lebih 1,000 tan bekalan daging kepada 202 pelanggan (pengedar) yang dibuktikan melalui invois yang dirampas.

"Siasatan mendapati keuntungan tahunan 19 syarikat ini antara RM1 juta hingga RM52 juta," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini, semalam.

Huzir berkata, kejayaan mematahkan kartel itu susulan serbuan di gudang sejuk beku di Senai pada Disember tahun lalu, sehingga membawa kepada lapan kertas siasatan dibuka dan tujuh pertuduhan terhadap tiga individu.

"Dua kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan peringkat Bukit Aman dan Seksyen 120B Kanun Keseksaan di Kontinjen Polis Johor.

"Siasatan bagi Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan menunjukkan tiada keterangan untuk menuduh mana-mana individu, namun siasatan di Kontinjen Polis Johor sebaliknya mendapati wujud elemen yang menjurus kepada kesalahan pakat jahat jenayah," katanya.

Selain mengimport daripada syarikat di Brazil, syarikat pengimport itu juga menerima bekalan daripada syarikat tempatan dan akan dibungkus semula di gudang sebelum diedarkan kepada pelanggan.

Katanya, syarikat terbabit juga didapati telah menempah kotak berlogo halal untuk membungkus semula daging yang diimport dari Brazil dan yang diterima daripada syarikat tempatan bagi memenuhi permintaan pelanggan.

"Siasatan mendapati syarikat ini banyak menerima tempahan kerana menawarkan harga lebih murah antara 20 sen hingga RM1 sekilogram, selain memberi kemudahan pembayaran mudah iaitu kredit selama tiga bulan berbanding syarikat lain yang menerima pembayaran tunai ketika serahan (COD).

"Kegiatan ini menyebabkan timbul isu keraguan status halal terhadap bekalan daging yang ada di pasaran, bukan sahaja memberi kesan kepada umat Islam tetapi seluruh masyarakat, malah daging yang dibungkus semula tidak dapat disahkan tahap kebersihannya dan tidak diperakui veteriner," katanya.

Syarikat itu juga mampu memenuhi permintaan pelanggan kerana sentiasa mempunyai stok mencukupi sedangkan siasatan mendapati syarikat berkenaan hanya menggunakan empat permit bersamaan 108 tan daging.




# Tujuh lagi suspek kartel daging import diburu

## Syarikat pengimport didapati beroperasi sejak 2018

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Polis kini memburu sekurang-kurangnya tujuh lagi anggota kartel pengedaran daging sejuk beku dari Brazil yang dicurigai statusnya berikutan kegiatan pembungkusan semula menggunakan cop halal palsu.

Turut dicari bagi membantu siasatan kes ialah dua lelaki iaitu Tan Siew Huak, 42, nombor kad pengenalan, 790921-01-6509 dari Ulu Tiram di sini dan Wong Ah Kheong, 44, nombor kad pengenalan, 770517-06-5095, berasal dari Kuantan, Pahang.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata syarikat pengimport itu sudah lama beroperasi.

"Berdasarkan dokumen dirampas, kegiatan mereka berjalan sejak 2018 hingga tahun lalu. Masih ada lagi yang kami (polis) usaha untuk membuat tangkapan.

"Apa yang kita (polis) siasat adalah secara keseluruhan bagi kesalahan pakatan jahat jenayah yang mana daging tidak sah diedarkan ke seluruh negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, semalam.

Turut hadir pada sidang media itu adalah Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Huzir berkata, setakat ini, siasatan polis mendapati kegiatan kartel itu tidak membabitkan mana-mana individu kenamaan.

Katanya, siasatan polis mendapati kegiatan kartel terbabit mencetuskan keraguan dalam kalangan pengguna negara ini, terhadap status halal bekalan daging import yang berada dalam pasaran tempatan.


*Tan Siew Huak*


*Wong Ah Kheong*

Menurutnya, kegiatan kartel itu bukan sahaja memberi kesan kepada umat Islam, tetapi seluruh rakyat Malaysia, kerana daging yang dibungkus semula juga tidak dapat disahkan tahap kebersihan dan tidak diperakui pihak veterinar.

Operasi ini susulan daripada serbuan terhadap gudang sejuk beku di Senai, pada Disember tahun lalu, sehingga membawa kepada lapan kertas siasatan dibuka dan tujuh pertuduhan dikenakan terhadap tiga individu.

"Polis menjalankan siasatan lanjut dan operasi ini mengambil masa lama kerana menunggu hasil siasatan daripada agensi yang berkaitan selesai. Masih ada lagi yang kami berusaha untuk tangkap.

"Tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang sedia ada," katanya.

Pada 1 Disember tahun lalu, pihak berkuasa membongkar taktik jahat kartel daging sejuk beku membungkus semula bekalan import terbabit dengan logo halal sebelum menjualnya di seluruh Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/4/2021 | THE STAR | NATION | 2 |




Scientists used technology to trigger a Venus flytrap to snap its jaws shut at the push of a button on a smartphone app. – AFP

# Rise of the 'robo-plants'

REMOTE controlled Venus flytrap "robo-plants" and crops that tell farmers when they are hit by disease could become a reality after scientists developed a high-tech system for communicating with vegetation.

Researchers in Singapore linked up plants to electrodes capable of monitoring the weak electrical pulses naturally emitted by the greenery.

The scientists used the technology to trigger a Venus flytrap to snap its jaws shut at the push of a button on a smartphone app.

They then attached one of its jaws to a robotic arm and got the contraption to pick up a piece of wire half a millimetre thick, and catch a small falling object.

The technology is in its early stages, but researchers believe it could eventually be used to build advanced "plant-based robots" that can pick up a host of fragile objects which are too delicate for rigid, robotic arms.

"These kinds of nature robots can be interfaced with other artificial robots (to make) hybrid systems," said Chen Xiaodong, the lead author of a study on the research at Nanyang Technological University (NTU).

There are still challenges to be overcome.

Scientists can stimulate the fly trap's jaws to slam shut but can't yet reopen them – a process that takes 10 or more hours to happen naturally.

## Crop defence

The system can also pick up signals emitted by plants, raising the possibility that farmers will be able to detect problems with their crops at an early stage.